




FENOMENA REMAJA MUFIS INTELEK

BERDASARKAN Laporan Profil Kajian Tahap Pembacaan Rakyat Malaysia pada tahun 2005, didapati bahawa rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun. Lebih membimbangkan ialah program NILAM iaitu program galakan membaca yang dijalankan di sekolah turut menampakkan corak yang sama iaitu hanya 22.91% pelajar sekolah terlibat dalam program tersebut pada tahun 2012 walaupun pelaksanaannya adalah wajib dan mempunyai instrumen yang mantap. Oleh itu, sikap menjauhi ilmu dalam kalangan remaja hari ini merupakan fenomena serius yang wajar diambil perhatian.

Fenomena remaja mufis intelek hari ini juga berpunca daripada budaya hedonisme dan hiburan berasaskan digital yang melingkari kehidupan para remaja masa kini. Stigma membaca yang membosankan menjadikan tiada rasa nikmat keseronokan membaca apatah lagi menjadikan tabiat ini sebagai hobi. Komunikasi harian banyak ditunjangi oleh pembacaan berbentuk picisan dan maklumat yang tidak dapat dibuktikan kesahihannya, yang bersumberkan tulisan di dalam blog. Kemajuan juga menjadikan remaja seorang yang malas dan menghabiskan waktu senggang dengan berbual menerusi laman sosial. Hal



ini akan mengakibatkan lahirnya masyarakat antisosial dan lebih cenderung bersikap individualistik. Senario ini sangat berbahaya kerana negara bukan sahaja ketandusan golongan pemikir malah sumber manusia pasti sukar digembleng untuk pembangunan negara.

Budaya hedonisme menyebabkan remaja hilang identiti. Kegilaan meniru dan mengikut gaya asing terus menerus meresap di jiwa misalnya fenomena K-Pop yang menjadi kiblat remaja hari ini. Perubahan penampilan dari segi fesyen dan rupa diri dan gaya hidup yang mudah menerima budaya asing berbanding dengan usaha melestarikan budaya sendiri bakal memberikan impak negatif kepada negara. Hal ini akan merencatkan usaha negara melahirkan bangsa Malaysia mengikut acuan yang dikehendaki. Lebih parah lagi, tempoh wawasan 2020 yang hendak dituju boleh dihitungkan dengan jari sedangkan negara masih berhadapan dengan masalah remaja yang hilang arah, jemah pemikirannya dan dibelenggu masalah sosial yang tiada berkesudahan. Semuanya berpunca daripada sikap tidak mementingkan ilmu apatah lagi bercita-cita untuk menjadi seorang yang intelek.

Kesan remaja muflis intelek

Keseronokan melampau yang tidak berpenghujung menjadikan remaja hari ini semakin lalai daripada tanggungjawab sebenar, sebaliknya ada dalam kalangan mereka yang terperangkap dalam kehidupan golongan seperti "black metal", "skin head", dan "punk". Walaupun ada cakap-cakap sinis yang menyatakan tidak salah berhibur kerana manusia sememangnya memerlukan hiburan, namun hiburan yang melampau dan keterlaluan boleh meruntuhkan negara bangsa yang dibina oleh negarawan kita sekian lama.

Rancangan realiti televisyen yang semakin tumbuh umpama cendawan kini menjadi satu kegilaan dan keseronokan jiwa tanpa batasan. Jika budaya hedonisme ini terus berakar umbi dan tidak ditangani dengan segera, bukan sahaja Malaysia akan ketandusan barisan kepimpinan mas hadapan, malah negara tidak akan menca sebarang matlamat yang telah dirangka barisan pemimpin hari ini. Segala usaha dijerih perih mencapai kemerdekaan akan sia sia akibat minda remaja yang terjajah dan lebih memburukkan keadaan, kita tidak n dijahaj sekali lagi.

Tambahan pula, masa, usaha dan wang ringgit negara terpaksa dikorbankan untuk membantu merawat "segala penyakit minda" yang dihadapi remaja. Menerusi kementerian dan agensi tertentu, pelbagai program dijalankan untuk membawa semula golongan remaja yang bermasalah, terjebak dalam gejala sosial, penagihan dadah dan segala penyakit masyarakat supaya kembali ke pangkuan jalan.

Menjadi seorang yang intelek


Kajian membuktikan bahawa kualiti hidup berkadar langsung dengan bilangan buku yang dibaca kerana individu yang membaca sebuah buku seminggu dan 50 buah buku setahun didapati mempunyai taraf hidup yang lebih berkualiti berbanding mereka yang tidak membaca. Semua sedia maklum bahawa proses pembinaan minda ialah melalui pemerolehan ilmu menerusi pembacaan. Membaca dapat memperkukuhkan perbendaharaan kata dan penguasaan linguistik yang sangat membingkatkan kemahiran berfikir dan berbicara, menambah fakta yang ilmiah dalam berkomunikasi dan seterusnya

mempertajamkan kesedaran diri untuk memberi sumbangan kepada pelbagai aspek dalam kehidupan. Membaca juga senaman minda yang jauh lebih kompleks berbanding dengan menonton televisyen. Oleh itu, kita bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan, malah pembacaan dapat membantu perkembangan *Intelligence Quotient* (IQ) dan *Emotional Quotient* (EQ) remaja. Hal ini dapat membantu remaja melatih akal untuk berfikir dan meneroka pelbagai pengalaman serta melihat dunia dari kaca mata yang berbeza.

Sejajar dengan itu, remaja perlu berubah. Biarpun terdapat kajian yang membuktikan amalan, sikap dan pemikiran dipengaruhi oleh Deoxyribonucleic acid (DNA) manusia. Oleh itu manusia boleh berubah dan kita perlu berubah. Dato' Dr. Fadzillah Kamsah, pakar motivasi tersohor sering menegaskan bahawa semua tabiat dapat diubah sekiranya diulangi perbuatan sebanyak 40 kali sehingga sebatih dengan roh diri. Sejarah tamadun negara dunia pertama membuktikan kuasa membaca dan menimba ilmu pengetahuan dalam pembentukan tamadun manusia dan peningkatan kualiti hidup masyarakat. Jepun dan Korea misalnya telah bergerak jauh ke hadapan dalam pelbagai bidang ilmu. Yang menariknya, kedua-dua negara ini menjadikan amalan membaca sebagai rutin harian supaya tidak ketinggalan. Hal ini demikian kerana pencapaian dalam pelbagai bidang khususnya kerjaya sangat menitikberatkan kepada golongan yang intelek dan mereka yang kurang berilmu menghadapi kemungkinan dibuang kerja dan tidak mendapat tempat dalam masyarakat.


Minda yang sentiasa menerima perkara positif akan melahirkan perlakuan dan tindakan yang positif. Tanamkan azam untuk mencipta kehebatan di sekolah dengan memberikan tumpuan dalam kelas, menjadikan amalan mengunjungi pusat sumber sekolah sebagai aktiviti harian, rindukan suasana belajar dan mencari ilmu, mendekati dan menghargai guru dan yang paling penting, memilih rakan sebaya yang akan membawa kita ke arah kebaikan. Menjadi seorang yang intelek tidak sahaja memerlukan pembangunan minda, malahan aspek pembangunan diri perlu juga diterapkan. Oleh itu, hargailah setiap detik dan masa di alam persekolahan dengan menyertai aktiviti kokurikulum yang dapat mengasah bakat kepimpinan, melatih proses sosialisasi dalam masyarakat, bekerjasama dalam kumpulan dan kemahiran penyelesaian masalah. Ilmu ini hanya dapat dikutip menerusi pengalaman dan sangat penting dalam pembangunan diri remaja. Sistem pendidikan negara dengan jelas telah menggariskan enam aspirasi murid untuk dicapai menerusi alam persekolahan iaitu kemahiran berfikir, pengetahuan, etika dan kerohanian, identiti nasional, dwibahasa dan kepimpinan agar sistem persekolahan bukan sahaja mampu melahirkan murid yang cemerlang tetapi juga warganegara yang baik dan berbudhi pekerti mulia.

Remaja juga perlu mempunyai wawasan hidup dan hala tuju yang jelas. Wawasan hidup menjadi garis-panduan dan landasan kepada segala tindakan yang ingin dilakukannya. Landasan yang jelas juga akan sentiasa menjadi pedoman kepada remaja agar terus berusaha mencapai cita-cita, mencipta kehebatan diri dan tidak membiarkan masa diisi dengan perkara yang sia-sia. Kesungguhan dalam mencapai



apa-apa yang diharapkan perlu ada dalam diri kerana yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Tambahan pula cerdik pandai ada menyatakan bahawa "*kita akan memperoleh apa-apa yang kita usahakan*". Oleh itu, setiap masa dan ketika perlulah mempunyai pengisian untuk mencipta kecemerlangan. "Janganlah sekadar menjadi Mat Jenin dengan angan-angan kosong semata-mata.

Pihak sekolah khasnya para guru juga memainkan peranan besar dalam menangani fenomena remaja mufils intelek.



Gambar 1:
Remaja perlu membina tradisi intelektualisme berteraskan ilmu supaya acuan yang dibina berteraskan tradisi warisan yang kukuh.

Gambar 2:
Kelesuan berfikir golongan muda kini perlu dilatasi dengan keperkasaan ilmu.

Gambar 3:
Remaja yang mengambil kira pemikiran daripada ilmuwan ternama dan diadaptasi untuk kegunaan pada zamannya ialah remaja yang berkeperibadian unggul.

3

Guru perlu membuat anjakan paradigma agar kaedah pengajaran di dalam kelas bersesuaian dengan keperluan pendidikan semasa kerana pendidikan ialah sesuatu yang dinamik. Kaedah pengajaran perlulah menggalakkan penggunaan otak kiri dan otak kanan bagi meningkatkan kecerdasan berfikir dan fungsi otak digunakan sepenuhnya dalam menerima dan menyaring ilmu. Dalam hal ini, otak yang dapat dirangsang untuk berfikir lebih jauh akan cepat matang untuk membuat penilaian. Terbukti bahawa kanak-kanak yang mempunyai sifat ingin mencari ilmu sejak kecil dapat menjamin kehidupan masa hadapan yang lebih cerah dan berfikiran jauh. Dalam hal ini, bagi remaja yang beragama Islam, lakukanlah ibadat solat lima waktu kerana terbukti secara saintifik amalan solat dapat menyalurkan cas elektrik otak kiri dan kanan ketika sujud. Hal ini bukan sahaja menyebabkan remaja berada dalam keadaan alfa atau situasi alam sadar yang menenangkan jiwa, malah pematuhan kepada Tuhan dapat menghindarkan kita daripada melakukan perkara yang tidak baik.


Ilmu perlulah disertai dengan amalan. Seorang yang penuh berilmu tidak berguna sekiranya tidak beramal dan memanfaatkan ilmu tersebut kepada orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang berilmu dan mengamalkan ilmu tersebut mampu menjadi insan yang hebat dengan mentaati perintah ibu bapa, menjadi pelajar cemerlang dan rakyat yang baik serta mampu menyumbangkan kembali ilmunya untuk dimanfaatkan. Tidaklah berguna jika ilmu penuh di dada, membaca buku berjuta tetapi tidak dimanfaatkan sebagai amalan. Bijak pandai pernah berkata "sebaik-baik manusia ialah mereka yang berilmu dan sebaik-sbaik ilmu ialah yang memberi manfaat."

Memetik kata-kata Walter Cronkie, "Sebesar mana pun jumlah harga pembinaan perpustakaan, harganya jauh lebih murah berbanding dengan harga sebuah negara yang jahil". Dengan kekuatan ilmu, kita dapat menyumbang kepada budaya intelektual. Malaysia kini sedang menghampiri halangan terakhir dan paling sukar

iaitu membentuk masyarakat berasaskan pengetahuan yang dianggotai ilmuwan. "Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya". Oleh itu, remaja hari ini perlu melengkapkan diri dengan ciri masyarakat intelek agar hasrat menjadi negara maju akan tercapai.

Ubahlah sikap dan berlumalah untuk menjadi golongan bijak pandai. Sesiapa yang tidak berusaha mendalami ilmu akan terus ketinggalan zaman dalam arus globalisasi. Berfikirlah secara global, bertindaklah secara lokal supaya hasrat untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama akan tercapai. Biarlah kita miskin harta tetapi tidak mufus daya intelek kerana harta boleh dicari semula tetapi fenomena remaja mufus intelek bukan sahaja menggadaikan masa hadapan kita tetapi turut menggadaikan negara. Ayuh, bangunlah wahai remaja! 🌟

CELIK MINDA DAN HATI



“KUT hati mati, ikut rasa binasa.” Kita mungkin sudah biasa mendengar peribahasa yang bermaksud orang yang terlalu mengikut atau tunduk pada hawa nafsunya akan menjadikan diri binasa atau rosak ini. Bukanlah suatu yang menghairankan apabila ramai dalam kalangan remaja hari ini telah terjebak dalam gejala sosial yang amat membimbangkan. Kes jenayah juvana seperti menyamun, meragut, bergaduh, merogol dan sebagainya semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Sekiranya keadaan sedemikian berterusan atau berlarutan, sudah pasti aspirasi negara untuk melahirkan generasi pelapis yang berdedikasi dan berwibawa akan terjejas. Usaha Kementerian Pelajaran Malaysia yang meletakkan memasukkan elemen kemahiran berfikir (kritis dan kreatif) dalam satu set pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sebenarnya adalah bertujuan untuk membolehkan para pelajar membuat keputusan atau pertimbangan yang wajar. Program seperti i-THINK (pemikiran inovatif) dan *High Order Thinking Skills* (HOTS) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah salah satu usaha untuk melahirkan generasi pada masa hadapan yang menjadikan kemahiran berfikir itu sebagai suatu budaya.

Menurut Sidek Baba dalam artikelnya “Celik Minda, Celik Hati”, celik minda bermaksud berlakunya proses berfikir yang menyebabkan manusia menjadi tahu,



manakala pelengkap bagi minda yang celik ialah celik hati. Celik hati pula ibarat cahaya penyuluh yang menjadi panduan atau petunjuk kepada kita agar terjauh daripada kehidupan yang sesat. Segala tindak-tanduk yang akan kita lakukan sebenarnya mempunyai perkaitan antara minda dan hati. Hati sebenarnya amat berkait rapat dengan naluri, jiwa dan perasaan. Oleh yang demikian, sebelum melakukan sesuatu tindakan maka minda perlu digerakkan untuk menilai sama ada tindakan yang akan dilakukan itu memberikan impak yang positif atau sebaliknya.

Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim, *"Dalam diri anak Adam itu ada segumpal daging. Apabila baik daging itu baiklah seluruh anggota dan seluruh jasad. Apabila jahat dan busuk daging itu jahatlah seluruh jasad. Ketahuilah, itulah hati."*

Minda yang celik harus disertai dengan hati yang bersih. Kebijaksanaan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT mesti disertai dengan niat yang betul. Kita biasa mendengar atau membaca kisah orang yang mempunyai pendidikan

tinggi tetapi terjebak dalam kegiatan yang tidak bermoral. Perkara seperti inilah yang perlu dielakkan oleh para remaja. Seperti tubuh yang memerlukan makanan berkhasiat untuk perkembangannya, minda juga perlu diberikan santapan yang betul.


Bagi orang Islam, kaedah terbaik untuk menajamkan minda ialah dengan membaca al-Quran serta mendalami kandungannya selain daripada merenungkan dan berfikir tentang alam yang dijadikan oleh Yang Maha Pencipta. Selain itu, remaja perlu berani untuk meneroka dan mengkaji pelbagai teori yang dikemukakan oleh cendekiawan Islam dan Barat untuk mencari kebenaran yang hakiki terutama tentang perkara yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Berbicara dan berhujah secara sihat dengan rakan atau individu tertentu tentang sesuatu perkara yang positif pasti akan membolehkan kita berfikir dengan lebih matang dan rasional.

Dewasa ini, kita mendapati bahawa kemajuan tamadun sesuatu bangsa itu diukur dengan pencapaian dalam bidang sains dan teknologi. Namun begitu, kita tidak dapat berpegang kepada kenyataan ini semata-mata kerana kemajuan tamadun sesuatu bangsa seharusnya mencakupi

perkara yang lebih luas termasuk dari segi moral, dan budaya. Sebagai manusia, kita perlu bermuhasabah diri tentang tujuan kita dijadikan dan dihidupkan di muka bumi ini. Dengan cara itu, kita tidak akan tergelincir daripada landasan hidup yang sebenarnya.

Hati atau kalbu merupakan nadi bagi jiwa seseorang manusia. Minda yang waras lazimnya bermula dengan Hati yang tulus dan bersih. Niat yang baik dalam melakukan sesuatu pasti akan mendapat imbalan yang baik juga, begitu juga sebaliknya. Oleh itu, para remaja perlu memanfaatkan zaman remaja untuk menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan. Selain daripada membaca bahan ilmiah, remaja juga boleh menghadiri majlis ilmu, berdiskusi atau mendengar ceramah agama.

Pada zaman yang semakin maju ini, terlalu banyak cabaran dan gangguan yang perlu ditantang dengan kebijaksanaan oleh para remaja. Dengan pengaruh media sosial seperti Facebook dan Twitter tidak mustahil remaja akan mudah menjadi lalai dan leka. Remaja yang celik minda dan hati pasti akan menggunakan laman sosial ini mengikut keperluan dan bukannya menghabiskan masa-masa berjam-jam untuk tujuan ini. Remaja juga disarankan agar




tidak terpengaruh dengan pelbagai bentuk berita atau dakwah yang cuba disebar oleh pihak tertentu menerusi media sosial ini tanpa melakukan penyelidikan terlebih dahulu.

Remaja yang celik minda dan hati sebenarnya tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang boleh merosak atau menjejaskan masa hadapan mereka. Mereka berupaya untuk berfikir dan bertindak dengan cara yang betul. Mereka juga boleh menyaring maklumat yang diterima dan hanya akan memilih maklumat yang berguna serta sahih.

Minda kita perlu diisi dengan perkara yang baik serta tidak bertentangan dengan nilai agama dan norma kehidupan manusia. Hati pula perlu dibentuk dengan makanan rohani seperti bersolat, berzikir dan sebagainya. Elakkanlah daripada memakan makanan daripada hasil atau sumber yang tidak halal ataupun makanan yang boleh menjadikan daya ingatan menjadi lemah. Perkara yang boleh menjerumuskan remaja ke lembah maksiat hendaklah dihindarkan.

Remaja yang bakal menjadi peneraju negara para masa hadapan perlu bersedia dari sekarang. Dengan penambahbaikan kurikulum pendidikan di sekolah menengah dan rendah yang menekankan kemahiran berfikir ini sebagai salah satu elemen utamanya, diharapkan hasrat negara

untuk melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama akan tercapai. Negara perlu melahirkan modal insan yang berinovasi, berfikirah dan berpengetahuan untuk membangunkan negara berlandaskan ilmu pengetahuan. 

Gambar 1:


Minda yang sentiasa menerima perkara positif akan melahirkan tindakan yang positif.

Gambar 2:

Golongan muda hari ini harus berusaha mencapai cita-cita, mencipta kehebatan diri dan berwawasan.

Gambar 3:

Kesungguhan perlu diterapkan dalam diri remaja kerana tanpa usaha, kejayaan tidak akan datang dengan mudah.



2



3